



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 8 JANUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	500 PENGUSAHA SEKTOR AGROMAKANAN RUGI RM23 JUTA SUSULAN BANJIR DI NS - EXCO, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MANGSA BANJIR DI PPS BELURAN TERIMA BWI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
3.	BELURAN FLOOD VICTIMS RECEIVE FOOD BASKETS, HOME, BORNEO POST (KK) -6	
4.	275 WIRA AGRO MELAKA RUGI RM2.83j AKIBAT BAH, SETEMPAT, HM -21	
5.	KPDNHEP BERI JAMINAN JAGA KEBAJIKAN PENGGUNA DAN PENIAGA, KOSMO -ONLINE	LAIN-LAIN
6.	HARGA AYAM, TELUR AKAN LONJAK LEBIH TINGGI JIKA TIADA CAMPUR TANGAN KERAJAAN - MENTERI, MELAKA HARIINI -ONLINE	
7.	'CARI CARA TANGANI KENAIKAN HARGA', NASIONAL, BH -1 & 5	
8.	HARGA AYAM DIJANGKA NAIK, SETEMPAT, HM -21	
9.	HARGA AYAM DIJANGKA MELONJAK BULAN DEPAN, NEGARA, KOSMO -3	
10.	CHICKEN, EGG PRICES TO RISE AFTER FEB 4, LOCAL NEWS, NST -5	
11.	HARGA AYAM NAIK BULAN DEPAN, NASIONAL, SH -1 & 7	
12.	PRICE OF CHICKEN, EGGS MAY GO UP AFTER CNY, NEWS, TAMIL MALAR -1 & 11	
13.	PRICE HIKE OF FISH DURING TROUBLE TIMES, NEWS, TAMIL MALAR -13	
14.	HARGA AYAM BAKAL NAIK, RAKYAT DIMINTA FAHAM, DALAM NEGERI, UM -3	
15.	KERAJAAN CARI MEKANISME TANGANI KENAIKAN HARGA, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -19	
16.	TANAMAN GUARANA TIDAK DIBERNARKAN DI SABAH, HM -ONLINE	
17.	FOOD BASKETS DELIVERED TO 10 FLOOD - HIT FAMILIES, EAST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS -A4	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2022	BERNAMA	ONLINE	

500 pengusaha sektor agromakanan rugi RM23 juta susulan banjir di NS - exco



SEREMBAN, 7 Jan – Kira-kira 500 pengusaha sektor agromakanan di Negeri Sembilan mengalami kerugian mencecah RM23 juta berikutan bencana banjir baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Bakri Sawir berkata sektor yang terlibat ialah pentemakan, perladangan, pertanian serta akuakultur.

“Saya harap peruntukan RM100 juta seperti diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee untuk seluruh negara dapat membantu para pengusaha dan mereka boleh memulihkan semula perniagaan mereka.

“Kerajaan negeri juga sedang membuat kiraan bagi membantu pengusaha yang terkesan ini,” katanya kepada pemberita selepas melawat Program Jualan Harga Ladang Nismanan Prihatin 2022 di sini hari ini.

Beliau berkata nilai kerugian mungkin meningkat kerana terdapat data beberapa daerah lain yang terjejas banjir belum diperoleh.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Mangsa banjir di PPS Beluran terima BWI



PRIHATIN: Ronald (tengah) menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.

BELURAN: Seramai 10 Ketua Isi Rumah (KIR) yang dipindahkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di daerah ini akibat banjir menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) daripada kerajaan bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat bencana alam itu.

Setiap KIR menerima BWI itu berjumlah RM1,000 yang disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang juga Ahli Parlimen Beluran Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada majlis penyerahan di Dewan Kampung Balaban Jaya di sini, hari ini.

Bercakap kepada media selepas majlis itu, Ronald berkata banjir yang melanda kawasan Parlimen Beluran kali ini, mengakibatkan pemindahan seramai 91 KIR di tiga daerah iaitu Telupid, Beluran dan Daerah Kecil Paitan yang keseluruhan mangsa terlibat adalah seramai 298 orang.

“Hari ini kita sampaikan bantuan wang ihsan daripada kerajaan sebanyak RM1,000 bagi setiap Ketua Isi Rumah yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara.

“Jadi penyampaian pada hari ini melibatkan 10 Ketua Isi Rumah di daerah Beluran, daerah lain akan menyusul kemudian iaitu di daerah Telupid dan daerah kecil Paitan,” katanya.

Hadir sama pada majlis penyerahan itu, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk Samd Jambri, Penolong Pegawai Daerah Beluran Leprus Esuvaz@Giswa dan Ketua Polis Daerah Beluran Supt Kasim Muda.

Pada masa sama, beliau berkata dana dan bantuan lain yang disalurkan oleh kerajaan pada kali ini kepada mangsa banjir akan menyusul termasuk pemberian rumah serta peralatan yang telah pun disenaraikan oleh kerajaan sebagai dana yang akan disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir.

Ronald berkata, di kawasan Parlimen Beluran ini juga melibatkan kerosakan rumah dan ada beberapa rumah yang musnah serta tidak boleh dibaiki yang akan menerima bantuan khusus dari dana yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Menurutnya, banjir yang melanda di Parlimen Beluran kali ini juga melibatkan kehilangan korban seramai 2 orang iaitu satu berlaku di daerah Telupid dan satu berlaku di daerah kecil Paitan.

“Seperti yang dijanjikan kerajaan, setiap waris kepada dua mangsa ini akan menerima sumbangan RM10,000 khusus kepada keluarga yang ditimpa kemalangan jiwa,” katanya.

Dalam pada itu, Ronald berkata penduduk di Parlimen Beluran perlu terus memberi kerjasama kepada pihak keselamatan terutama apabila diarahkan berpindah ke PPS atas faktor keselamatan mereka.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memberikan perhatian dan bantuan yang perlu kepada mangsa banjir dan menerusi MAFI, dana RM100 juta telah diasingkan dari dana belanjawan yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada kementerian pada tahun 2022.

Katanya, dana sebanyak RM100 juta itu khusus untuk membantu pengusaha-pengusaha sektor agromakanan untuk memulakan semula perusahaan mereka.

"Ini termasuk pemberian in-kind, pembaikan kandang, pembaikan reban dan kolam dan juga tanaman.

"Begitu juga ada dana yang khusus untuk padi dan tanaman-tanaman yang lain telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui MAFI disamping dana peruntukan untuk bencana alam yang khusus iaitu RM80juta," katanya.

Ronald berkata, penyediaan bantuan dan dana ini menunjukkan keprihatinan kerajaan melalui semua kementerian yang ada untuk terus membantu rakyat Malaysia yang terkesan oleh banjir yang melanda negara.

Headline	Beluran flood victims receive food baskets		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,004
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,012



Beluran flood victims receive food baskets

BELURAN: Five thousand food baskets have been distributed to flood victims in Beluran since Saturday (Jan 1) to ease their burden said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Ronald who is also Beluran MP said more baskets would be channelled to affected flood victims in the Parliamentary constituency.

"Some of them (flood victims) did not evacuate to relief centres (PPS) but were forced to move to higher grounds or family houses as such not all areas have evacuation centres."

"Some villages in Beluran were surrounded by water and were cut-off," he told reporters after handing over food baskets of the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) in Kampung Simpangan Paitan near here on Thursday.

Ronald however expressed his regrets that a fisherman and a plantation worker died in the floods in Paitan recently.
— Bernama



Ronald (centre) presenting the food baskets to flood victims at Kampung Simpangan in Paitan on Thursday.
— Bernama photo

Headline	275 Wira Agro Melaka rugi RM2.83j akibat banjir		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	08 Jan 2022	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	21	ArticleSize	146 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,752
Journalist	N/A	PR Value	RM 17,255
Frequency	Daily		



AHMAD (kanan) berbincang dengan petani selepas meninjau kerosakan sawah akibat banjir di Kampung Sungai Siput, Lubuk Cina dekat Masjid Tanah.

275 Wira Agro Melaka rugi RM2.83j akibat banjir

Masjid Tanah: Seramai 275 Wira Agro di Melaka mengalami kerugian RM2.83 juta akibat banjir besar pada 18 Disember lalu.

Timbalan Menteri 1 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu, seramai 92 petani yang kerugian RM1.18 juta, manakala 142 nelayan (RM1.4 juta), seorang pengusaha tanaman nanas (RM15,000) dan 40 penternak haiwan ruminan (214,640).

"Peladang, penternak dan nelayan di daerah Alor Gajah yang paling ramai terbabit mengalami kerugian iaitu seramai 138 dengan nilai kerugian RM1.38 juta dan

diikuti Melaka Tengah seramai 76 (RM1.03 juta) dan Jasin 61 (RM408,540).

"Justeru, kementerian berrusaha membantu meringankan beban mereka untuk memulakan semula aktiviti ekonomi," katanya selepas melawat sawah yang rosak akibat banjir di Kampung Sungai Siput, Lubuk Cina dekat sini.

Katanya, Mafi menyediakan RM100 juta melalui Dana Bangkit Semula Keluarga Agro, selain Tabung Bencana melalui Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) sebanyak RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebanyak RM12 juta.

TARIKH**MEDIA****RUANGAN****MUKA****SURAT****8/1/2022****KOSMO****ONLINE**

KPDNHEP beri jaminan jaga kebijikan pengguna dan peniaga



PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus memantau kenaikan harga barang keperluan dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga kebijikan pengguna dan peniaga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum laporan akhbar berhubung kenyataan beliau tentang jangkaan kenaikan

harga ayam dan telur selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari depan.

“Kenyataan itu bukanlah sengaja diada-adakan namun berdasarkan maklumat yang diterima daripada sesi libat urus pada 6 Januari lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agro Bank dan wakil-wakil daripada Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak (FLFAM).

“Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM telah membentangkan faktor-faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan kos makanan ayam di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor ini,” katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Jelas beliau, kementeriannya juga telah dimaklumkan bahawa pelaksanaan SHMKM telah membebankan penternak yang terpaksa menyerap kos operasi lebih tinggi dan sekiranya skim itu diteruskan hasil pengeluaran ayam dan telur pasti akan terjejas.

“Sekiranya keadaan ini berlaku, ia tentunya akan memberi kesan yang lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur di pasaran malah dengan kurangnya bekalan, harga jualan juga akan meningkat.

“Inilah realitinya yang akan terjadi sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan. Tanpa intervensi kerajaan harga ayam dan telur akan melonjak naik lebih tinggi,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Alexander menegaskan, kerajaan termasuk KPDNHEP sudahpun mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran seperti melanjutkan pelaksanaan SHMKM sehingga 4 Februari depan seperti yang telah diumumkan sebelum ini.

“Kerajaan turut mengambil tindakan mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan serta pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran.

“Dengan adanya pemberian pinjaman mudah ini, ia dapat membantu penternak dan peladang menyerap kos operasi dan pengeluaran yang tinggi ketika ini sekaligus boleh mengawal kenaikan harga ayam,” katanya.

Tambah beliau, isu kenaikan harga ayam yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia dan sememangnya amat mencabar serta memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2022	MELAKA HARIINI	ONLINE	

Harga ayam, telur akan lonjak lebih tinggi jika tiada campur tangan kerajaan – Menteri



PUTRAJAYA, 8 Jan – Harga ayam dan telur akan melonjak naik lebih tinggi sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Justeru, beliau berkata kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengambil

langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran.

Antara langkah yang dilakukan termasuk pelanjutan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Feb ini, mengimport ayam bulat sejuk beku dan pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran.

Nanta berkata pelaksanaan SHMKM yang dijadualkan berakhir 31 Dis 2021 telah dilanjutkan selama 35 hari lagi, berkuat kuasa 1 Jan hingga 4 Feb 2022 dengan harga siling ayam ditetapkan sehingga 4 Feb 2022 pada RM6.10 sekilogram di peringkat ladang, RM7.80 sekilogram di peringkat borong dan RM9.10 sekilogram di peringkat peruncit.

Selain itu, usaha mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan dan tindakan ini sedang diusahakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

“Dengan penambahan bekalan di pasaran, situasi ini dapat menampung sebarang kekurangan bekalan ayam dan mewujudkan persaingan sihat yang seterusnya dapat mengawal dan mengimbangi harga ayam di pasaran,” katanya dalam laman Facebook beliau di sini hari ini susulan kenyataannya berkenaan jangkaan kenaikan harga ayam dan telur di pasaran selepas SHMKM berakhir 4 Feb depan.

Menjelas lanjut, beliau berkata kenyataan itu bukan sengaja diada-adakan tetapi berdasarkan hasil maklumat yang diterima daripada sesi libat urus yang diadakan 6 Jan lepas bersama-sama MAFI, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agrobank dan Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM).

Katanya setiap pihak telah membentangkan faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan kos makanan ayam di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor tersebut.

Nanta berkata kerajaan juga memberi kemudahan pinjaman mudah atau *soft loan* kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran dengan

peruntukan bantuan sebanyak RM262 juta untuk membantu peladang yang terjejas akibat kenaikan harga baja dan racun.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM200 juta disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar sifar faedah dengan moratorium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN) Nasional untuk manfaat pengeluar agromakanan bagi menangani kos pengeluaran yang tinggi di peringkat ladang.

“Dengan adanya pemberian *soft loan* atau pinjaman mudah ini, ia dapat membantu penternak dan peladang menyerap kos operasi dan pengeluaran yang tinggi ketika ini sekali gus boleh mengawal kenaikan harga ayam,” katanya.

Nanta menjelaskan isu kenaikan harga ayam ini yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia sememangnya amat mencabar dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi.

“Walau bagaimanapun, KPDNHEP akan terus memantau kenaikan harga dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga kebajikan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan peniaga,” katanya. – BERNAMA

Headline	'Cari cara tangani kenaikan harga'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,5	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	427 cm ²
Journalist	Amir Mamat	AdValue	RM 14,139
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,417



KPDNHEP cari mekanisme terbaik jaga kepentingan pengguna, penternak isu harga ayam dan telur

Nasional 5



Headline	'Cari cara tangani kenaikan harga'		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	08 Jan 2022	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	1,5	ArticleSize	427 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,139
Journalist	Amir Mamat	PR Value	RM 42,417
Frequency	Daily		

'Cari cara tangani kenaikan harga'

**Skim Harga
Maksimum
Keluarga
Malaysia tamat
4 Februari ini**

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Jasin: Harga ayam dan telur dijangka naik selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMMK) yang dilaksanakan untuk menstabilkan harga barang keperluan asas, tamat 4 Februari ini, manun kerajaan akan mencari mekanisme bagi menanggungnya demi kepentingan semua pihak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

gi, berkata langkah terbabit terpaksa diambil sebagai mengimbangi situasi 'menang-menang' antara kumpulan pengguna dan penernak di negara ini.

Beliau berkata, kementeriannya masih meneliti dan mengkaji kenaikan harga barang berkenaan, yang diputuskan menerusi sesi libat urus bersama Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), di Putrajaya, kelmarin.

"Dalam perbincangan semalam (kelmarin), ada persatuan penernak mengeluh mengenai harga ternakan dan kos operasi yang dikatakan meningkat, termasuk kos pengimporan dedak ayam."

"Ketika ini, harga runcit maksimum ayam bulat adalah RM9.10 sekilogram dan ia dikatakan masih rendah. Kita masih mempertimbangkan keputusan untuk menaikkan harga ayam bagi menjaga nasib pengguna dan peniaga"

Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di pusat pendidikan seniateratu (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambat, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambat, Siti Faizah Abd Aziz; Ke-

tua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP); Datuk Seri Hasnol Zam Zau dan Pengarah KPDNHEP negeri, Norain Jaafar.

SHMMK yang diperkenalkan pada 7 Disember lalu menubatkan 12 jenis barang, daripada kategori ayam, telur ayam dan

sayur, yang ditentukan sebagai bahan awal harga terkawal.

Mengulas lanjut, Alexander berharap pengguna dapat bersepadu dengan kenirkiran ketika harga berkenaan dan menaikkan situasi semasa yang sedang melanda negara ketika ini.

Beliau berkata, KPDNHEP akan sentiasa mencari mekanisme terbaik untuk menjaga kepentingan pengguna, peniaga dan penernak.

"Saya harap pengguna faham sebab masalah ini kompleks, bukan semudah kita mahu harga yang terlalu murah tetapi penernak tidak pengeluaran yang akhirnya kita tiada bekalan."

"Bagaimanapun, keputusan kenaikan harga yang dicapai dalam sesi libat urus itu bergantung kepada pelaksanaan beberapa strategi lain, termasuk mengimpor ayam dari luar negara, sekali gus dapat menstabilkan harga ayam," katanya.

Ketika ini, harga runcit maksimum ayam bulat adalah RM9.10 sekilogram dan ia dikatakan masih rendah. Kita masih mempertimbangkan keputusan untuk menaikkan harga ayam bagi menjaga nasib pengguna dan peniaga

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Headline	HARGA AYAM DIJANGKA NAIK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	21	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	385 cm ²
Journalist	Oleh Amir Mamat	AdValue	RM 15,109
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,327



PENAMATAN SHMKM

HARGA AYAM DIJANGKA NAIK

Oleh Amir Mamat
am@hunmetro.com.my

JasIn

Harga ayam dan telur di pasaran tempatan dijangka meningkat selepas tanah Skim Harga Maksumun Keluarga Mala-sia (SHMKM), 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Da-lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Liuggi ber-kata, langkah terabit ter-paksa diambil sebagai mengimbangi situasi ‘menang-menang’ antara kumpulan pengguna dan pen-ternak di negara ini.

Beliau berkata, kementer-riannya masih meneliti dan mengkaji kenaikan harga barang-barang berkenaan yang diputuskan menerusi sesi li-bat ular bersama Kemen-terian Kewangan dan Ke-ministerian Pertanian dan Industri Makanan (Maf) di

Putrajaya, kelmarin.

“Dalam perbincangan se-malam (kelmarin), ada per-satuhan penternak mengeluh mengenai harga ternakan dan kos operasi yang dikatakan meningkat termasuk kos pengimportan dedak ayam,” katanya.

Ketika ini harga runcit maksimum ayam bulat adal-ah RM9.10 sekilogram dan ia dikatakan masih rendah, justeru, pihaknya masih mempertimbangkan keputusan untuk menaikkan har-ga ayam bagi menjaga nasib pengguna dan peniaga, ka-tanya selepas melawat dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Pu-sat Penempatan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambai di sini, se-malam.

Hadir sama, Ahli De-wan Un-

dangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Azis; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam; Zam dan Pengarah KPDNHEP ne-geri, Norena Jaafar.

Justeru, Alexander berka-ta, pengguna diharap dapat bersetuju kemungkinan ke-naikan harga berkenaan se-lain memahami situasi se-masa yang sedang melanda negara ketika ini.

Mengulas lanjut, beliau ber-kata, KPDNHEP akan seniasa mencari mekanisme terbaik untuk menjaga kepentingan golongan pengguna, peniaga dan pen-ternak.

“Saya harap penggu-na faham sebah- masalah ini kompleks, (ka-tau) kita ma-hu harga yang terlalu murah teta-



Siti Faizah menerima sumbangan berupa water jet dan set generator daripada Alexander (empat dari kanan) untuk diberikan kepada ketua kampung bagi kegunaan penbersihan rumah di Pusat Penempatan Sementara SMK Sungai Rambai, Melaka. - Gambar NSTP/SYAFEEQ AHMAD

pi penternak tidak penge-lovaran... akhirnya kita tiada bekalan.

“Bagaimanapun, keputu-

san kenaikan harga yang dicapai dalam sesi libat ular itu bergantung kepada pe-laksanaan beberapa strategi

lain termasuk mengimport ayam dari luar negara, sekali-gus dapat menstabilkan har-ga ayam,” katanya.

Ketika ini harga runcit maksimum ayam bulat RM9.10 sekilogram

Headline	Harga ayam dijangka melonjak bulan depan		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	08 Jan 2022	Circulation	155,996
Section	Negara	Readership	467,988
Page No	3	ArticleSize	516 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,442
Journalist	DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA	PR Value	RM 40,327
Frequency	Daily		



HARGA ayam segar dijangka naik semula selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia berakhir pada 4 Februari ini.

KPDNHEP cari jalan bantu penternak, pengguna **Harga ayam dijangka melonjak bulan depan**

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

JASIN - Rakyat diminta supaya bersedia dengan kenaikan semula harga ayam melebihi RM9.10 sekilogram selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, harga siling barang segar itu dijangka dilombak semula dalam usaha memastikan sektor penternakan dapat mengeluarkan jumlah bekalan yang seimbang.

Menurut beliau, harga siling terkini yang diwartakan ialah RM9.10 sekilogram menyukarkan para penternak mengeluaran bekalan diperlukan susulan kos operasi yang mengalami peningkatan terutama dedak dari luar negara.

"Sementara kelmarin dalam sesi libat urus, kita telah berbincang dengan persatuan penternak dan mereka mengeluh harga ternakan dan kos operasi meningkat disebabkan pengimporan dedak ayam.

"Susulan itu kita akan mempertimbangkan semula harga siling ayam diwartakan sebelum ini (RM9.10 sekilogram) untuk mewujudkan situasi menang-



ALEXANDER

menang kepada pengguna dan pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhir selepas mela-wat mangsa barjur di Pusat Pe-mindahan Sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Ranibai di sini semalam. Turut hadir Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

Sehubungan itu, Alexander merayu rakyat supaya memahami situasi tersebut dalam usaha kementerian mencari mekanisme terbaik bagi mengimbangi harga serta jumlah bekalan diperlukan negara.

"Kita juga mengadakan perbin-gungan dengan Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Agrobank dan Kementerian Kewangan untuk membantu penternak dalam mengurangkan beban kos operasi.

"Kerajaan sebelum ini juga telah memberi kebenaran untuk MAFI untuk mengimport ayam sejuk beku sebanyak 5.5 juta ekor sebulan dalam usaha membantu menampung kekurangan bekal-an, namun setakat ini bekalan tersebut masih belum diterima," katanya.

Alexander menjelaskan, sekiranya bekalan ayam sejuk beku itu mula masuk pasaran, pihaknya menjalankan berlaku persaingan antara penternak, sekali gus kenaikan harga ayam tidak perlu dilakukan.

Kosmo! sebelum ini melapor-kan SHMKM bagi 12 jenis baran-gen yang berakhir 31 Disember lalu dilanjutkan sehingga 4 Februari depan.

Keputusan itu dibuat berdasarkan maklum balas yang diterima dan langkah bertemu-rusun untuk menstabilkan harga barang selain memastikan keberadaan bekalan.

Terdapat empat jenis baran-gen yang terlibat dengan pela-rasan harga dalam SHMKM yang akan berkuat kuasa 1 Januari hingga 4 Februari iaitu ayam, telur ayam, sawi dan kacang pan-jang untuk lokasi-lokasi terpilih.

Headline	CHICKEN, EGG PRICES TO RISE AFTER FEB 4		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	5	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	AMIR MAMAT	AdValue	RM 11,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,747



BEST MECHANISM

CHICKEN, EGG PRICES TO RISE AFTER FEB 4

This to ensure a 'win-win' situation between consumer groups and farmers, says minister

AMIR MAMAT
JASIN
news@nst.com.my

PRICES of chicken and eggs are expected to increase after the Malaysian Family Maximum Price Scheme ends on Feb 4, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said.

He said the move had to be taken to ensure that a "win-win" situation between consumers and farmers.

The price increase was decided in an engagement session between consumer groups and farmers' associations with his ministry, the Agriculture and Food Industry Ministry and Finance Ministry in Putrajaya on Thursday.

"In yesterday's (Thursday's) discussion, some farmers' associations had complained about livestock prices and operating costs, which were said to have increased, including the cost of importing chicken feed."

"Currently, the maximum retail price of a whole chicken is



The price increase for chicken and eggs has been decided in an engagement session on Thursday. FILE PIC

RM9.10 per kg and it is said to be low. Therefore, they are still considering the decision to increase the price of chicken to protect consumers and traders," he said after presenting donations to flood victims at SMK Sungai Rambai here yesterday.

Present were Sungai Rambai assemblyman Siti Faizah Abd Azis, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam and the ministry's state director Norena Jaafar.

Following the possibility of the price hike, Nanta had called on the public to be prepared while

assuring that his ministry would continue to find the best mechanism to protect the interest of consumers, traders and breeders.

"I hope consumers would understand the complexity of this problem. It is not as easy because if farmers could not produce (more chicken), it is us who will be affected when there is no supply."

"However, the decision on the price increase reached during the engagement session will depend on the implementation of several other strategies, including importing chicken from abroad, which we believe may stabilise the chicken prices."

Headline	HARGA AYAM NAIK BULAN DEPAN		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	08 Jan 2022	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	1,7	ArticleSize	562 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 11,914
Journalist	Nor Farhana Ya'acob	PR Value	RM 35,743
Frequency	Daily		



HARGA AYAM NAIK BULAN DEPAN

PENGGUNA perlu bersedia dengan peningkatan harga siling ayam segar dan telur sejurus Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), tamat Februari ini.

Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi berkata, ia bagi mendapatkan situasi menang-menang antara pengguna dan penternak yang terpaksa menanggung peningkatan kos operasi perniagaan.

Harga siling ayam segar ketika ini ialah RM9.10 sekilogram.

7

Headline	HARGA AYAM NAIK BULAN DEPAN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	562 cm ²
Journalist	Nor Farhana Ya'acob	AdValue	RM 11,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,743

KPDNHEP jamin kenaikan tidak akan bebankan pengguna, wujudkan situasi menang-menang

Oleh NOR FARHANA YA'ACOB

JASIN

Rakyat negara ini perlu bersedia dengan kenaikan harga siling ayam yang dijangka berlaku awal bulan depan selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kenaikan itu berikutan golongan penternak terbeban dengan pelbagai kos operasi dan harga dedak import.

Bagaimanapun, beliau berkata, kenaikan itu tidak akan membebani pengguna sekali gus akan wujudkan situasi menang-menang.

Menurutnya, KPDNHEP akan mencari mekanisme terbaik termasuk melalui kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menstabilkan harga di peringkat peruncit serta pemborong.

“Sekarang paras harga siling ayam sehingga 4 Februari adalah RM9.10 sekilogram di peringkat peruncit, jadi semalam (Khamis) kita bincang sebab persatuan penternak mengeluh harga ternakan dan kos operasi dikatakan meningkat.

“Sebab itu saya panggil libat urus termasuk MAFI, Agrobank dan Kementerian Kewangan, kita mungkin boleh bantu mereka kurangkan beban kos operasi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sungai Rambai di Sekolah

Harga ayam dijangka naik



Alexander (kanan) diliringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz di PPS SMK Sungai Rambai pada Jumaat.

Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambai di sini pada Jumaat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada situasi sekarang harga maksimum siling ayam itu disifatkan rendah dan perlu dipertimbangkan di antara peniaga dan pengguna.

“Selain jaga pengguna, kita juga perlu menjaga peniaga kalau mereka tidak dapat teruskan operasi, mungkin kita tiada bekalan nanti.

“Kita seharusnya sensitif kepada itu dan saya guna peluang merayu kepada semua pengguna untuk sama-sama memahami situasi ini.

“Bila kita sebagai pengguna nak harga murah tapi kalau di peringkat pengeluaran mereka tak dapat keluar bekalan, kita juga akan mengalami masalah,” katanya.

Jelasnya, rakyat diharapkan tidak bimbang kerana pihak ke-



ALEXANDER

menterian akan terus menjaga kepentingan pengguna selain MAFI akan mengimport ayam bulat sejuk beku.

“Tapi buat masa sekarang ia belum masuk lagi kalau dah ada mungkin bekalan dah banyak jadi persaingan mungkin berlaku dan dengan sendirinya harga mungkin boleh turun,”

katanya.

Pada Disember lalu, kerajaan mengumumkan akan membawa masuk bekalan ayam import bagi menangani masalah kekurangan bekalan ayam di pasaran.

Menteri Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, tindakan kerajaan mengimport ayam sejuk beku dari Thailand dan China, adalah langkah intervensi sementara menunggu industri ayam tempatan kembali stabil.

Headline	Price of chicken, eggs may go up after CNY
MediaTitle	Tamil Malar
Date	08 Jan 2022
Section	NEWS
Page No	1,11
Language	Tamil
Journalist	N/A
Frequency	Daily
Color	Full Color
Circulation	22,000
Readership	180,000
ArticleSize	250 cm ²
AdValue	RM 1,285
PR Value	RM 3,855



சௌப் புத்தாண்டுக்குப் பிறகு கோழி, முட்டை விலை

உயர்க் கூடும்!

ஜாகின், ஜூ. 8 –

அத்தியாவசிய பொருட்களின் விலையை நிலைநிறுத்துவதற்காக அமல்படுத்தப்பட்ட உச்ச வரம்பு மலேசியக் குடும்ப விலைத் திட்டம் (உவயகுவிதி) பிப்ரவரி 4-ம் தேதியுடன் முடிவடைவதையடுத்து கோழி, முட்டைகளின் விலை உயரும் என அஞ்சப்படுகிறது.

உந்நாட்டு வர்த்தகம் மற்றும் பயனர் விவகார அமைச்சர் டத்தோழி அஸெக்சாண்டர் நந்தா லிங்கி, நாட்டில் பயனர் குழுக்களுக்கும் விவசாயிகளுக்கும் இடையிலான ‘வெற்றி-வெற்றி’ குழுநிலையை சமநிலைப்படுத்த நடவடிக்கை எடுக்கப்பட வேண்டும் என்றார்.

11

சௌப் புத்தாண்டுக்குப் பிறகு...

புத்ராஜெயாவில் நேற்று நிதி அமைச்கடன் விவசாயம் மற்றும் உணவுத் தொழில் துறை அமைச்சர் நடத்திய ஒர் ஒப்பந்த அமர்வின் மூலம் முடிவு செய்யப்பட்ட பொருட்களின் விலை அதிகரிப்பு குறித்து தனது அமைச்ச இன்னும் ஆய்வு செய்து வருகிறது என்றார்.

முந்திய கலந்துரையாடலில், சில விவசாயிகள் சங்கங்கள் காலநடைகளின் விலை மற்றும் கோழி தவிடு இறக்குமதி செலவு உட்பட அதிகரித்ததாகக் கூறப்படும் இயக்கக் கூறுவுகள் குறித்து புகார் தெரிவித்தன. “தற்போது, பருமனான கோழியின் அதிகப்பட்ச சில்லறை விலை கிலோவுக்கு 9.10 ரிங்கிட்டாக உள்ளது. அது இன்னும் குறைவாக இருப்பதாகக் கூறப்படுகிறது. பயநர் மற்றும் வணிகர்களின் நலனைப் பாதுகாக்க கோழியின் விலையை உயர்த்துவதற்கான முடிவை முடக்கி வைத்துள்ளோம்,” என்று அவர் கூறினார். கங்கை ரம்பாய் இடைநிலைப் பள்ளியின் தற்காலிகத் தங்கு மையத்தில் (பிபிஎஸ்) நேற்று வெள்ளத்தால் பாதிக்கப்பட்ட மக்களுக்கு நன்கொடைகளை வழங்கிய பின்னர் அவர் இவ்வாறு கூறினார். டசம்பர் 7-ஆம் தேதி அறிமுகப்படுத்தப்பட்ட கோழி, கோழி முட்டை மற்றும் காய்கறி வகைகளுக்கான விலைத் திட்டத்தில் 12 வகையான பொருட்கள் அடங்கியுள்ளன. அவை விலை கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களாக தீர்மானிக்கப்படுகின்றன.

மேலும் கருத்துத் தெரிவித்த அஸெக்சாண்டர், விலை அதிகரிப்புக்கான சாத்தியக்கூறுகளுக்கு பயனர் தயாராக இருப்பார்கள் என்றும், இந்த நேரத்தில் நாட்டை ஆட்டிப்படைக்கும் தற்போதைய குழிநிலையைப் புரிந்து கொள்வார்கள் என்றும் நம்புகிறார். பயனர், வர்த்தகர்கள் மற்றும் வளர்ப்பாளர்களின் நலன்களைப் பாதுகாப்பதற்கான சிறந்த வழிமுறையை தமது அமைச்ச எப்போதும் தேடும் என்றார். “இந்தப்பிரச்களை என் சிக்கலானதுவீலை மிகவும் மலிவாக இருக்க வேண்டும் என்று நாங்கள் விரும்புவது போல் எனிதானது அல்ல. ஆனால் விவசாயிகளுக்கு உற்பத்தி இல்லை. இறுதியில் எங்களிடம் விநியோகம் இல்லை என்பதைப் பயனார்புரிந்துகொள்வார்கள் என்று நம்புகிறேன்.”

“இருப்பினும், ஒப்பந்த அமர்வில் அடையப்படும் விலை உயர்வு முடிவு வெளிநாட்டிலிருந்து கோழி இறக்குமதி உட்பட பல உத்திகளை செயல் படுத்துவதைப் பொறுத்தது. இது கோழி விலையை சமநிலைப்படுத்தும்,” என்று அவர் கூறினார்.

Headline	Price hike of fish during trouble times		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	13	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,809
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,428



சீரற்ற கால நிலையால் மீன் விலை உயர்வு



சங்கர் வேலு

மலாக்கா, ஜூ. 8 -

கணரிக்க முடியாத காலநிலை காரணால் மீன் விலை தற்போது அதிகரித்துள்ளது. தற்போது குழ்ந்துள்ள பருவமழு விரைவில் முடிவடையும் போது நிலைமை சீராக திரும்பும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது என்று விவசாயம் மற்றும் உணவு தொழில்துறை அமைச்சின் துணை அமைச்சர் டத்தோழி அகமட் ஹம்சா கூறினார்.

தொடர்ந்து கருத்துரைத்து அவர் கடந்த நவம்பரில் இருந்து பருவமழு முடியால் மீன்வர்கள் சம்பாதிக்க முடியாமல் உள்ளது, ஆனால் பருவமழு முடியும் போது

கிழக்கு கடற்கரை மற்றும் தீபகற்பத்தின் வடபகுதியில் உள்ள பெரும்பாலான மீன்வர்கள் கடலுக்கு செல்ல முடியவில்லை. எனவே இதுபோன்ற விலை உயர்வு கடற்கரை முதல் கலந்து கொண்டார் நாட்டின் பெரும்பாலான பகுதிகளில் சிறிய அளவிலான கானாங்களுக்குத் தால் அல்லது கெளுத்தி மீன்கள் கிடைவா விற்கு 13 ரிங் கிட் என்ற விலையில் விற்பனை செய்யப்படுவது குறித்து அவர் இவ்வாறு கூறுத்துக் கொள்வித்தார். அண்மையில் வெள்ளப் பேரழிவைப் பற்றி கூறினார். எம்ராப்ஜூ-மின் சீரற்ற ஆய்வில் அக்ரோ வீரர்கள் என்று முத்தினரை குத்தப்பட்ட நாடு முழுவதும் கமார் 5,500 விவசாயிகள், காலநடை வளர்ப்பாளர்கள் மற்றும் மீன்வர்கள் கூடார் வெள் 69 மில்லியன் இழப்புகளை சந்தித்துள்ளனர். மேலும் வெள்ளப் பேரழிவில் இன்னும் போராடுக் கொண்டிருக்கும்

விலை மாற்றம் சீராக திரும்பும் என்று எதிர்பார்ப்பதாக அவர் தெரிவித்தார்.

மேலும் வெள்ளத்தால் பாதிக்கப்பட்டக் கூடுமேர்க்காரமான சினா கெக்சில் லூபோக் சினாவில் உள்ள விவசாயிகள் மற்றும் காலநடை வளர்ப்பார்களுக்கு நன்கொடைகளை வழங்கிய பின்னர் அபார்டிவ்வாரு கூறினார். இங்கூழிவில் விவசாயம் மற்றும் உணவு தொழில்துறை (எம்ராப்ஜூ) பொதுச்செயலாளர் டத்தோ ஹூஸ்லினா அப்துல் ஹமீதும் கலந்து கொண்டார் நாட்டின் பெரும்பாலான பகுதிகளில் சிறிய அளவிலான கானாங்களுக்குத் தால் அல்லது கெளுத்தி மீன்கள் கிடைவா விற்கு 13 ரிங் கிட் என்ற விலையில் விற்பனை செய்யப்படுவது குறித்து அவர் இவ்வாறு கூறுத்துக் கொள்வித்தார். அண்மையில் வெள்ளப் பேரழிவைப் பற்றி கூறினார். எம்ராப்ஜூ-மின் சீரற்ற ஆய்வில் அக்ரோ வீரர்கள் என்று முத்தினரை குத்தப்பட்ட நாடு முழுவதும் கமார் 5,500 விவசாயிகள், காலநடை வளர்ப்பாளர்கள் மற்றும் மீன்வர்கள் கூடார் வெள் 69 மில்லியன் இழப்புகளை சந்தித்துள்ளனர். மேலும் வெள்ளப் பேரழிவில் இன்னும் போராடுக் கொண்டிருக்கும்

ஜோகூரில் உள்ள வீரா துக்ரோவை அந்த எண்ணில் சேர்க்கவில்லை என்று அவர் கூறினார். எம்ராப்ஜூ வெ.100 மில்லியனை வேளாண்களுடும் மறுமலர்ச்சி நிதியத்தின் மூலம் உதவிகள் வழங்குகிறது. இதைத் தவிர மஜிரிசே 12 மில்லியன் விவசாய உணவு திட்ட மறுவளர்ச்சி ஒதுக்கீடு மற்றும் வெ.12 மில்லியன் நெல் பயிர் போழிவு நிதி மூலம் போழிவு நிதியை வழங்குகிறது. வெள்ளத்தால் ஏற்பட்ட அளவின்து சேதங்களையும் முடிந்த முடிந்த அளவில் உதவியை வழங்கி வருகிறது என்று அவர் கூறினார். மேலும்

இதுதொடர்பாக, விவசாயிகள், காலநடை வளர்ப்பாளர்கள் மற்றும் மீன்வர்கள் நாட்டில் உணவுப் பொருள்களை உற்பத்தி செய்ய உதவும் முயற்சிகளைக் கைவிட வேண்டாம் என்று கேட்டுக் கொண்டார்.

மலாக்காவில் மட்டும் மொத்தம் 275 அக்ரோ வீரர்கள் வெள்ளத்தால் கூமார் 2.83 மில்லியன் ரிங்கிட் இழப்பை சந்தித்தாக அவர் கூறினார். நாட்டின் உணவு உற்பத்தி பாதிக்கப்படாமல் இருக்க, பாதிக்கப் பட்டவர்களுக்கு உதவிகள் வழங்கப்படும் என்று அவர் உறுதி அளித்தார்.

Headline	Harga ayam bakal naik, rakyat diminta faham		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	417 cm ²
Journalist	DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA	AdValue	RM 17,052
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,156



Harga ayam bakal naik, rakyat diminta faham

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**
utusannewsg@mediamulia.com.my

JASIN: Rakyat diminta bersedia dan perlu memahami dengan kenaikan semula harga ayam melebihi RM9.10 sekilogram selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berakhir pada 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, harga silih ayam segar dijangka dirombak semula dalam usaha memastikan sektor perternakan dapat mengeluarkan jumlah bekalan seimbang.

Menurut beliau, kadar silih terkini diwartakan didapati menyukarkan peternak mengeluarkan bekalan susulan kos operasi meningkat terutama membabitkan pembelian dedak dari luar negara.

"Semalam (kelmarin) dalam sesi libat urus, kita berbincang dengan persatuan peternak dan mereka mengeluh kos operasi ternakan meningkat disebabkan pengimportan dedak ayam.

"Susulan itu kita akan mempertimbangkan semula harga silih ayam segar diwartakan sebelum ini iaitu RM9.10 sekilogram untuk mewujudkan situasi menang-menang kepada pengguna dan pembeli."



ALEXANDER Nanta Linggi bercakap mengenai harga ayam yang bakal naik selepas membuat lawatan mangsa banjir di Sungai Rambai, Jasin semalam. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

kata beliau selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambai di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya meminta rakyat bersedia dan memahami situasi tersebut dalam usaha kemente-

rian mencari mekanisme terbaik mengimbangi harga serta jumlah bekalan diperlukan negara.

"Kita juga berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Agrobank dan Kementerian Kewangan untuk membantu peternak ini mengurangkan

bebanan kos operasi.

"Kerajaan sebelum ini juga telah memberi kebenaran untuk MAFI mengimport ayam bulat sejuk beku (sebanyak 5.5 juta ekor sebulan) bagi membantu menampung kekurangan bekalan, namun setakat ini bekalan itu belum masuk," kata beliau.

Headline	Kerajaan cari mekanisme tangani kenaikan harga		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Jan 2022	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	19	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	447 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,660
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,980



Kerajaan cari mekanisme tangani kenaikan harga

JASIN: Harga ayam segar dan telur ayam mungkin naik selepas Skim Harga Maksum Keluarga Malaysia tamat pada 4 Februari ini namun kerajaan akan mencari mekanisme bagi menanggungnya demi kepentingan semua pihak.

Menteri Perdagongan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kerajaan akan mengkaji semula harga siling ayam bagi mengimbangi kebijakan antara pengguna dan peternak serta sesi libat urus bersama pelbagai agensi berkaitan diadakan Khamis lalu.

"Dalam sesi libat urus yang diadakan bersama pelbagai agensi termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan persatuan peternak itu, kita mendengar keluhan peternak mengenai harga temakan dan kos operasi yang dikatakan meningkat disebabkan kos import dedak

ayam. "Pengguna juga harus tahu mengenai masalah ini sebab ia agak rumit. Bukan mudah nak letak harga rendah tapi peternak tak dapat keluaran bekalan. Jadi kita akan bermasalah tidak bekalan nanti," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyerahtan bantuan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambai di sini, semalam.

Nanta berkata, harga kawalon ayam hingga 4 Februari di peringkat runcit adalah RM9.10 sekilogram namun mendapat keluhan daripada peternak yang bukan sahaja melibatkan kos tetapi tempoh skim kawalan yang terlalu lama.

Beliau berkata, kementerian akan mencari mekanisme terbaik bersama MAFI dan menjaga harga di peringkat runcit dan pemborong.

"Harga siling mungkin akan tinggi tetapi kita akan lihat



MELAWAT MANGSA BANJIR... Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (kanan) beramah mesra bersama mangsa banjir Jamilah Tumirin, 50, (kiri) dan ibunya Satimah Ton, 84, ketika melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, semalam. * Foto BERNAMA

dahulu sebab kita ada strategi lain seperti MAFI

mengimport ayam dari luar. Kalau itu yang terjadi, harga

tak perlu naik sebab ada persinggan," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Tanaman guarana tidak dibenarkan di Sabah



Datuk Seri Dr Jeffrey Gapari Kitingan. FOTO MOHD ADAM ARININ

Kota Kinabalu: Kerajaan Sabah mengingatkan penduduk di negeri itu supaya tidak terbabit dengan sebarang skim mempromosikan tumbuhan guarana, termasuk bagi aktiviti penanaman.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, tanaman guarana masih lagi diharamkan di Sabah dan kerajaan negeri tiada perancangan untuk membangunkan industri tanaman itu.

Beliau berkata, guarana yang berasal dari Amerika Selatan dikelaskan sebagai tumbuhan 'berbahaya' kerana terdedah dengan penyakit hawar daun Amerika Selatan (SALB).

"Sebarang produk pertanian yang diperkenalkan di Sabah harus melalui kajian, pembangunan dan proses pengkomersilan terlebih dahulu. guarana tidak melalui proses terbabit," katanya dalam kenyataan medianya, hari ini.

Beliau memberi reaksi itu sebagai maklum balas terhadap penularan mesej menerusi aplikasi WhatsApp yang tular baru-baru ini berkaitan pengedaran benih guarana fasa kedua kepada kira-kira 20 penduduk di Keningau.

Dalam mesej yang tular terbabit, benih pokok itu dijual RM50 dan perlu dibayar dalam tempoh tiga hari sebelum tarikh pengagihan yang dijangka pada 31 Januari ini.

Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah berkata, sebarang kegiatan mengimport tanaman berisiko tinggi seperti guarana harus melalui prosedur tapisan yang ketat bagi melindungi industri sedia ada di rantau ini.

"Jabatan Pertanian tidak memberi sebarang kebenaran kepada sesiapa untuk mengimport guarana.

"Kerajaan Brazil menerusi Kementerian Pertanian Ternakan dan Bekalan Makanan sudah memaklumkan negara lain bahawa pihaknya tidak membenarkan eksport benih atau buah guarana.

"Oleh itu, saya menyeru kepada orang awam untuk tidak melayan sebarang tawaran daripada mana-mana syarikat di Sabah untuk mengusahakan tanaman guarana di tanah mereka," katanya.

Headline	Food baskets delivered to 10 flood-hit families		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	08 Jan 2022	Color	Full Color
Section	East Sabah	Circulation	63,549
Page No	A4	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	82 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 919
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,758



運送10家庭救濟糧食

古打7日讯上丹秋区甘榜杜古湖公路于本月初在因水灾后遭泛滥洪水冲毁，交通中断，村民面对缺粮困境。

丹秋区州议员兼本州助理农业及渔业部长亨特鲁斯安丁接报后，即刻指示沙巴团结党丹秋区部社会服务团队运送粮食救济该村十一个家庭。

亨特鲁斯安丁助理部长也指示政府相关部门即刻抢修甘榜杜古湖公路，以恢复村民交通。

沙巴团结党丹秋区部社会服务团队派送粮食救济丹秋甘榜杜古湖受交通中断影响缺粮之村民。

